



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S.**

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.6/2022**

29 JUN 2022 | RABU

8.00 MALAM | KOTA KINABALU SABAH

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato'
Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.6/2022** bagi **bulan Jun** pada malam ini.

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang hadir menyertai program dan Mesyuarat Majlis di luar pada kali ini. Untuk makluman, ini merupakan mesyuarat pertama saya yang diadakan di luar yang melibatkan semua Ahli Majlis MPS.
- 1.2 Selain daripada Mesyuarat Majlis pada malam ini, Mesyuarat Kajian Semula Setengah Tahun Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2022 dan Lawatan Rasmi MPS ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu juga akan diadakan sepanjang kita berada di Sabah.
- 1.3 Untuk makluman semua, lawatan MPS ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) yang dijadualkan pada esok hari adalah bertujuan untuk sesi kunjung hormat selain mengambil peluang melihat *best practices* yang dilaksanakan di DBKK.

1.4 Jadi, dengan jadual yang padat sepanjang berada disini, saya berharap agar mesyuarat dan program yang dijadualkan berjalan lancar dan saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan mesyuarat dan program kita sepanjang di Sabah ini.

2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

2.1 Untuk makluman, sehingga 31 Mei 2022, MPS telah berjaya mengutip cukai taksiran semasa bagi penggal pertama 2022 sebanyak RM 50.27 juta (94.59%) daripada RM 53.15 juta.

2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 5.726 juta (71.58%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 8 juta.

Tindakan Waran Tahanan Cukai Taksiran

- 2.3 MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 8 April 2022. Sebanyak 21,051 waran telah diproses dan 13,542 waran telah dihantar sehingga 31 Mei 2022.
- 2.4 Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu.
- 2.5 Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.

Kempen Kutipan Bagi Kawasan Kampung Dan Rumah Kos Rendah Yang Dikecualikan Cukai

2.6 MPS juga sedang mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi kawasan kampung dan rumah kos rendah yang mendapat pengecualian cukai. Pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan dan caj dikenakan 100% akan diberikan. Tempoh kempen adalah dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

Cabutan Bertuah Kepada Pembayar Cukai Yang Membuat Bayaran Melalui myMps Tahun 2022

2.7 MPS juga mengadakan program cabutan bertuah kepada pembayar MPS yang membuat bayaran melalui portal myMps. Pembayaran bil cukai taksiran, lesen, sewaan, permit dan kompaun yang dibuat melalui portal myMps layak menyertai program cabutan bertuah ini. Hadiah bernilai RM 50,000.00

akan diberikan kepada pembayar yang bertuah. Tarikh tamat program ini adalah pada 31 Ogos 2022. Semakan dan bayaran bil-bil tersebut boleh dibuat di portal mymps.mps.gov.my.

Bil Cukai Taksiran Penggal 2/2022

2.8 Untuk makluman, MPS telah menghantar bil cukai taksiran bagi penggal 2/2022 secara digital iaitu melalui email dan khidmat pesanan ringkas (SMS). Semakan dan bayaran bil cukai taksiran boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>. Tarikh akhir bayaran cukai taksiran adalah pada 31 Ogos 2022.

3. PROGRAM DIALOG KILANG TANPA KEBENARAN

3.1 Untuk makluman semua, MPS telah mengadakan beberapa siri sesi dialog Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) bersama pemilik dan pengusaha kilang pada bulan April dan Jun 2022 bertempat di Dewan Beringin

Taman Seri Gombak dan sesi terakhir telah diadakan di Dewan Seri Siantan.

3.2 Tujuan sesi dialog ini diadakan adalah untuk memberikan pemahaman serta memberikan penerangan berkaitan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di kawasan Majlis Perbandaran Selayang.

3.3 Seramai 763 orang peserta telah hadir sepanjang sesi ini dijalankan yang terdiri daripada pemilik tanah dan pengusaha premis kilang di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang.

3.4 Hasil daripada taklimat ini MPS telah berjaya menarik pengusaha untuk menjelaskan lesen-lesen perniagaan dan pertanyaan berkenaan proses-proses permohonan yang diperlukan di Majlis Perbandaran Selayang.

3.5 Disini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis yang telah hadir pada program ini dan semua yang terlibat dalam taklimat ini. Tahniah dan terima kasih juga kepada pemilik premis yang memberi kerjasama dan komitmen bagi tujuan pemutihan kilang tanpa kebenaran di kawasan MPS.

4. UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILADHA

4.1 Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua Ahli Majlis dan warga MPS yang beragama Islam yang bakal disambut Julai ini.

4.2 Akhir sekali, sempena perayaan ini pasti ramai yang akan pulang ke kampung halaman masing-masing atau pergi bercuti. Disini saya ingin berpesan agar aspek-aspek keselamatan di jalan raya perlu diutamakan dengan memandu secara berhemah ke destinasi masing-masing.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh